

KOTA KINABALU: UM-SLink Sdn.Bhd anak syarikat Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai perjanjian kerjasama antara REM Sdn.Bhd, sebuah syarikat swasta berpangkalan di Kuala Lumpur bagi menjayakan projek ternakan ikan kerapu hybrid dalam sangkar.

Melalui perjanjian itu UM-SLink akan menyediakan tenaga pakar dalam industri ternakan ikan kerapu hybrid, sementara REM pula menyediakan peruntukan dan tapak sediaan serta kawasan pembiakan ikan.

Antara negeri yang dipilih sebagai projek tersebut ialah Johor sebagai pusat ternakan sementara dan Terangganu sebagai pusat pembiakan benih dan anak-anak ikan.

Pengarah Urusan UM-SLink Sdn.Bhd. Profesor Dr.Roselina Ahmad Saufi berkata, sejumlah RM300,000 disediakan bagi menjayakan program itu yang

UMSLink materai perjanjian dengan REM Sdn Bhd jayakan projek ternakan ikan kerapu hybrid

akan memberi faedah kepada para penternak ikan kerapu hybrid dalam sangkar.

Beliau berkata, pengeluaran ikan kerapu hybrid yang mengandungi pelbagai jenis mampu menampung keperluan permintaan tinggi terhadap pasaran luar negara, terutama negara-negara Asia iaitu China.

Sementara itu, Pengerusi UM-SLink Sdn.Bhd, Datuk KY Mustaffa berharap dengan terlaksananya perjanjian kerjasama itu, pihak universiti terus berusaha meningkatkan kajian terhadap produk ternakan laut disamping beberapa produk laut lain yang terkenal di Sabah.

Manakala, Pengerusi

RAM, Dato' Baseri Lamsah turut bangga kerana UMS adalah satu-satunya Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia yang sanggup dan mempunyai komitmen tinggi menjayakan program ternakan ikan dalam sangkar terutama kerapu hybrid.

Perjanjian kerjasama itu ditandatangani oleh pengerusi UMS dan REM dengan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif REM Mohd.Rashidan Fadzir dan Pengarah Urusan UM-SLink Sdn.Bhd, Profesor Dr.Roselina Ahmad Saufi, di pejabat UM-SLink di Alamesra, di sini, kelmarin. - OLEH MARRYAN RAZAN (marryan@news-abahtimes.com.my)

NST 13/01/2011/6



PERJANJIAN ... KY Mustaffa (tengah) ketika menandatangani perjanjian kerjasama itu.